



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU BESAR DAN DISIPLIN
KERJA GURU DENGAN MOTIVASI KERJA GURU DAN PRESTASI
AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH RENDAH JAKARTA PUSAT
INDONESIA**

EDDI SUPRIADI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan kepemimpinan pengajaran guru besar dan disiplin kerja dengan motivasi kerja dan pencapaian prestasi akademik pelajar sekolah rendah Jakarta Pusat Indonesia. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Sampel kajian terdiri daripada enam orang responden bagi kaedah (temu bual) dan 150 orang responden (tinjauan). Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara kepemimpinan pengajaran guru besar dengan prestasi akademik pelajar dengan nilai hubungan korelasi sebesar ($r = 0.454, p < 0.05$); hubungan yang signifikan antara disiplin kerja guru dengan prestasi akademik pelajar dengan nilai korelasi sebesar ($r = 0.576, p < 0.05$); hubungan yang signifikan diantara motivasi kerja dengan prestasi akademik pelajar dengan nilai korelasi sebesar ($r = 0.537, p < 0.05$); hubungan yang signifikan antara kepemimpinan pengajaran guru besar dengan motivasi kerja guru dengan nilai korelasi sebesar ($r = 0.580, p < 0.05$); hubungan yang signifikan antara disiplin kerja guru dengan motivasi kerja guru dengan nilai korelasi sebesar ($r = 0.541, p < 0.05$). Kajian ini ini di sokong dengan kajian kualitatif yang mendapati kepemimpinan pengajaran guru besar, disiplin kerja guru memiliki hubungan dengan motivasi kerja serta prestasi akademik pelajar. dengan demikian hasil kajian menunjukkan bahawa untuk meningkatkan pencapaian prestasi akademik dan motivasi kerja boleh dilakukan dengan meningkatkan kepemimpinan pengajaran guru besar dan disiplin kerja dalam Sekolah Rendah Negeri Jakarta. Oleh itu, faktor utama dalam peningkatan prestasi akademik dan motivasi kerja adalah penambahbaikan dan peningkatan kualiti kepemimpinan pengajaran guru besar dan disiplin kerja guru.





RELATIONSHIP OF HEADTEACHERS' INSTRUCTIONAL LEADERSHIP AND TEACHER'S WORK DISCIPLINE WITH TEACHER'S WORK MOTIVATION AND STUDENT'S ACADEMIC ACHIEVEMENT IN PRIMARY SCHOOL IN CENTRAL JAKARTA INDONESIA

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between instructional leadership and teachers work discipline with teachers work motivation and student academic achievement in primary school in central Jakarta, Indonesia. The study was conducted using quantitative and qualitative research methods. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The design of the study uses quantitative and qualitative methods. The data were analyzed by using descriptive statistics and inference. The sample consisted of six respondents (interviews) and 150 respondents (survey). The findings showed significant correlation between instructional leadership and student academic achievement with correlation value ($r = 0.454, p < 0.05$); significant relationship between teacher work discipline and student academic achievement with correlation value ($r = 0.576, p < 0.05$); significant relationship between work motivation and student academic achievement with correlation value ($r = 0.537, p < 0.05$); significant correlation between instructional leadership and teacher work motivation with correlation value ($r = 0.580, p < 0.05$); significant correlation between teacher work discipline and teacher work motivation with correlation value ($r = 0.541, p < 0.05$). This study was supported with a qualitative study that found that instructional leadership, teacher work discipline had a relationship with work motivation and student academic performance. The study showed that indirectly to improve student's academic achievement and teachers work motivation can do to improve instructional leadership and teachers work discipline in the Primary School is central Jakarta. Therefore, a key factor in student's academic achievement and teachers work motivation can do to improve and upgrade the quality of instructional leadership and teachers work discipline.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GRAF	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	19
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Persoalan Kajian	21
1.7 Hipotesis Kajian	22
1.8 Kerangka Teoritikal Kajian	23
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	28
1.10 Kepentingan Kajian	31



1.11 Batasan Kajian	33
1.12 Definisi Operasional	35
1.13 Kesimpulan	40

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	41
2.2 Definisi Kepemimpinan	42
2.3 Konsep Disiplin Kerja Guru	82
2.4 Konsep Motivasi	99
2.5 Prestasi Akademik	111
2.6 Kajian yang Berkenaan	122
2.7 Kesimpulan	137

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	139
3.2 Reka Bentuk Kajian	140
3.3 Unit Analisis	144
3.4 Lokasi Kajian	144
3.5 Populasi dan Persampelan Kajian	145
3.6 Instrumen Kajian	148
3.7 Kajian Rintis	155
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	159
3.9 Tata Cara Penganalisisan Data	176
3.10 Kesimpulan	183

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	184
----------------	-----

4.2 Demografi Responden Kajian	186
4.3 Dapatan Kajian	189
4.4 Jadual Dapatan Kajian	244
4.5 Kesimpulan	245

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	247
5.2 Rumusan Kajian	248
5.3 Perbincangan Kajian	256
5.4 Implikasi Kajian	274
5.5 Cadangan	278
5.6 Kesimpulan	279

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbezaan Sifat-sifat Kepemimpinan Efektif	49
2.2 Tugas Kepimpinan	54
2.3 Tugas dan Kepemimpinan Guru Besar	74
2.4 Tingkahlaku Kepemimpinan di Kalangan Guru Besar	75
2.5 Perspektif Disiplin Kerja	91
3.1 Jumlah Sekolah, Murid, Guru, Sekolah Rendah Negeri Jakarta Pusat Menurut Kecamatan, Tahun 2015	147
3.2 Jadual Soal Selidik Kajian	151
3.3 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Aspek-Aspek Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar	160
3.4 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Aspek-Aspek Disiplin Kerja Guru	164
3.5 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Aspek-Aspek Motivasi.	169
3.6 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item Dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Aspek-Aspek Prestasi Akademik	173
3.7 Matrix Tata Cara Penganalisan Data	177
4.1 Taburan Ciri Demografi Responden Peserta Kajian	



Kuantitatif

186

4.2 Taburan Min dan Sisihan Piawai Kepemimpinan

Pengajaran Guru Besar Sekolah Dasar Negeri Jakarta

Pusat Berdasarkan Indikator

191

4.3 Taburan Min dan Sisihan Piawai Disiplin Kerja Guru

Sekolah Dasar Negeri Jakarta Pusat Berdasarkan Indikator

193

4.4 Taburan Min dan Sisihan Piawai Motivasi Kerja Guru

Sekolah Dasar Negeri Jakarta Pusat Berdasarkan Indikator

194

4.5 Taburan Min dan Sisihan Piawai Prestasi Akademik

Sekolah Dasar Negeri Jakarta Pusat Berdasarkan Indikator

195

4.6 Analisis Varian Uji Signifikasi dan Uji Linier Regresi $\hat{Y}=$ $57.920+0.382X_1$

207

4.7 Ringkasan Hubungan Kepemimpinan Pengajaran Guru

besar Dengan Prestasi Akademik

209

4.8 Analisis Varian Uji Signifikasi dan Uji Linier Regresi $\hat{Y}=$ $39.981+0.602X_2$

212

4.9 Ringkasan Hubungan Disiplin Kerja Guru Dengan

Prestasi Akademik

214

4.10 Analisis Varian Uji Signifikasi dan Uji Linier Regresi $\hat{Y}=$ $45.759+0.549Y$

218

4.11 Ringkasan Hubungan Motivasi Kerja Guru Dengan

Prestasi Akademik

219

4.12 Analisis Varian Uji Signifikasi dan Uji Linier Regresi $\hat{Y}=$ $45.756+0.4.77X_1$

224

4.13 Ringkasan Hubungan Kepemimpinan Pengajaran Guru

Besar Dengan Motivasi Kerja

225





4.14	Analisis Varian Uji Signifikasi dan Uji Linier Regresi $\hat{Y}=42.892+0.552X_2$	230
4.15	Ringkasan Hubungan Disiplin Kerja Dengan Motivasi Kerja	231
4.16	Analisis Varian Regresi Linier Multivariat $\hat{Y}= 24.679+0.346X_1+0.358X_2$	236
4.17	Ringkasan Uji Korelasi Berganda Y	236
4.18	Analisis Varian Regresi Linier Multivariat $\hat{Y}= 29.186+0.375X_1+0.113X_2$	240
4.19	Ringkasan Uji Korelasi Multivariat Z	240
4.20	Kumpulan Hasil Kajian Kuantitatif	244
4.21	Kumpulan Hasil Kajian Kualitatif	245





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian dikembangkan dari Konsep dan hasil Kajian Prestasi Akademik	30
2.1 Proses Kepemimpinan	46
3.1 Reka Bentuk Penjelasan (<i>Explanatory</i>)	142



**SENARAI GRAF****No. Graf****Muka Surat**

4.1	Regressi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar Dengan Prestasi Akademik	208
4.2	Regressi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Disiplin Kerja Guru Dengan Prestasi Akademik	214
4.3	Regressi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Motivasi Kerja Guru Dengan Prestasi Akademik	219
4.4	Regressi Linier Sederhana Hubungan Pembolehubah Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar Dengan Motivasi Kerja	225
4.5	Regressi Linier Sederhana Hubungan Pemboleh ubah Disiplin Kerja Dengan Motivasi Kerja	231





SENARAI SINGKATAN

EMASLIM	<i>educator, manajer, administrator, supervisor, leader, innovator, motivator</i>
DA	<i>Delay Avoidance</i>
J.I.G.1	Jawapan Instrumen Guru Sekolah 1.
MBWA	Management by Walking About
ME	Motivasi Ekstrinsik
MI	Motivasi Intrinsik
PNS	Pegawai Negeri Sipil
SM	Sumber Manusia
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Sciences Study</i>
TQM	Total Quality Management
WASKAT	Pengawasan Melekat
WM	<i>Work Methods</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen (Soal Selidik) Kajian
- B Deskriptif Data kajian.
- C Normalitas Data Kajian.
- D Regresi.
- E Soal Selidik Temubual Pembolehubah Kajian
- F Jurnal Internasional. Journal of Education and Learning Vol. 4, No. 3, 2015.
ISSN 1927-5250 (Print) ISSN 1927-5269 (Online). Canadian Center of
Science and Education.
- G Jurnal Nasional. Jurnal Keilmuan Manajemen Pendidikan TARBAWI
Vol.1.No.1 2015. ISSN: 2442-8809. 23-36.





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sekolah adalah sebuah institusi rasmi yang berperanan besar ke arah pembangunan modal insan dalam masyarakat, bangsa dan negara. Oleh itu, sebuah sekolah mestilah mempunyai ciri-ciri positif dalam memainkan peranannya ke arah menjadi penggerak kepada golongan pelajar demi kemajuan dan kecemerlangan di masa hadapan. Sekolah dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat pendidikan iaitu bermula dengan sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah tinggi. Sehubungan itu, sekolah rendah menjadi pemangkin kepada pembangunan pendidikan sebelum melangkah ke sekolah seterusnya.





Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Kemendikbud) mengeluarkan pencapaian nilai Programme for International Student Assessment (PISA) yang dilakukan bersama-sama dengan 72 negara peserta kajian PISA. Hasil kajian pada tahun 2015 menunjukkan pencapaian pendidikan di Indonesia adalah sebanyak 22.1 mata. Jumlah tersebut meletakkan Indonesia pada kedudukan keempat dalam hal kenaikan pencapaian pelajar tetapi dalam pencapaian kualiti pendidikan, ia masih di bawah purata negara-negara OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development). Selain daripada itu, hasil penyelidikan juga mendedahkan pengaruh sekolah terhadap pencapaian pelajar dalam subjek sains. Pelajar yang mendapat nilai tinggi untuk literasi sains disebabkan peranan guru besar iaitu menunaikan tanggungjawabnya dalam mentadbir sekolah dengan baik. Justeru, sekiranya guru besar sentiasa memantau prestasi pelajar dan melaporkannya kepada peringkat atasan, maka angka pencapaian PISA yang diperoleh lebih tinggi. (<https://www.kemdikbud.go.id/main/blog/2016/12>).

Dalam merealisasikan matlamat pendidikan, guru harus menunjukkan prestasi yang terbaik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam Akta RI No. 14 tahun 2005 tentang guru dan pensyarah menyatakan bahawa jawatan guru dan pensyarah sebagai profesional mensasarkan untuk melaksanakan sistem pendidikan negara dan mencapai matlamat pendidikan negara. Untuk mencapai matlamat tersebut, diperlukan sumber-sumber pendidikan iaitu apa-apa yang digunakan dalam pendidikan termasuk pendidik, masyarakat, dana, fasiliti dan infrastruktur (Akta RI No. 20 Tahun 2003). Sumber-sumber pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Akta RI No. 20 tahun 2003 dipertanggungjawabkan kepada guru besar yang berperanan





sebagai pelaksana pengurusan pendidikan. Guru besar dianggap sebagai penentu utama dalam kejayaan sekolah, Edmonds (1979); Miller (1982); Mahmood (1993); Moos, Johansson dan Day (2011) berpendapat kepimpinan guru besar sekolah merupakan penentu yang paling utama dalam mencapai kecemerlangan sekolah yang dipimpinnya. Sebagai pemimpin tertinggi di sekolah, guru besar harus menguruskan perjalanan sekolah seperti membahagikan masa dengan baik dalam mengurus sekolah sama ada untuk tugas sendiri mahupun sekolah secara keseluruhan. Ia bertujuan menjamin aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan dengan cekap dan berkesan. Selain guru besar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga melibatkan tanggungjawab seorang guru. Guru adalah kerjaya bagi seseorang yang mengabdikan dirinya untuk pendidikan melalui proses pendidikan formal dan sistematik. Program pendidikan tidak hanya ditentukan oleh kesempurnaan kurikulum, namun akan sampai pada titik tertentu, ia ditentukan oleh tenaga yang dapat menghidupkan kurikulum tersebut iaitu guru dan instruktur yang berada dalam situasi kelas (Buchori, 1994).

Guru selaku pendidik bertanggungjawab memacu kejayaan pelajar dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha mencapai matlamat pendidikan, iaitu: untuk membangunkan potensi pelajar, menjadi seorang manusia yang setia kepada Allah SWT, yang mulia, berpengetahuan, mahir, rakyat yang kreatif, bebas dan menjadi sebuah demokrasi dan bertanggungjawab. (Akta RI No 20 Tahun 2003). Seorang guru yang ideal menurut Usman (1992) mempunyai tugas utama iaitu mendidik, mengajar dan melatih. Oleh itu, guru mesti memiliki kompetensi. Kompetensi yang harus dimiliki oleh seorang guru adalah kompetensi pedagogik,





kompetensi personaliti, kompetensi sosial, dan kompetensi profesional (Akta RI No. 14 Tahun 2005). Dalam Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 19 Tahun 2005 tentang standar nasional pendidikan memiliki beberapa criteria minimum, yaitu standar isi, standar proses, standar kompetensi lulusan, standar pendidik, standar sarana dan prasarana, standar pengelolaan, standar pembiayaan, standar penilaian pendidikan. Standar Nasional Pendidikan berfungsi sebagai sebagai asas dalam perancangan, pelaksanaan, dan penyeliaan pendidikan dalam rangka mewujudkan pendidikan nasional yang berkualiti.

Guru perlu mengajar secara efektif untuk menghasilkan proses pembelajaran yang berkualiti di dalam kelas. Kemampuan guru berhadapan dan menyelia situasi dalam bilik darjah dan di sekolah memerlukan disiplin yang tinggi terhadap kerja dan sekolah. Orang-orang yang berhasil atau berprestasi adalah orang-orang yang memiliki disiplin yang tinggi (Prijodarminto, 1994). Melalui disiplin berkenaan, mereka boleh menunjukkan kesungguhan dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang berlaku di dalam bilik darjah dan di sekolah. Oleh itu, guru besar harus memotivasi guru-guru dalam melaksanakan tugas dengan berkesan supaya prestasi mereka meningkat dengan lebih baik. Motivasi merupakan masalah yang penting dalam setiap kegiatan yang dilakukan oleh manusia dalam rangka mencapai tujuan yang sudah ditentukan (Anoraga dan Suryati, 1995).

Dalam meningkatkan pencapaian prestasi pelajar di sekolah, guru besar bertanggungjawab memotivasi guru-guru kerana peranannya sebagai pemimpin utama. Seorang guru besar mempunyai beberapa kompetensi dasar yang harus





dimiliki seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Menteri No. 13 pada tahun 2007 tentang Standar Kepala Sekolah/Madrasah iaitu untuk menjadi guru besar yang berjaya memimpin sekolah perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima kompetensi utama ialah: (1) kompetensi peribadi, pengurusan, keusahawanan, pengawasan, dan sosial. Motivasi yang lahir daripada guru dapat menghasilkan proses pembelajaran yang efektif dan efisien. Justeru, kepemimpinan seorang guru besar serta adanya disiplin yang tinggi akan meningkatkan kualiti pembelajaran dan perihai ini tidak dapat dipisahkan dengan motivasi serta disiplin guru. Sehubungan itu, kerjasama antara pemimpin pengajaran di sekolah dan disiplin kerja para guru berupaya menghasilkan motivasi yang tinggi demi mencapai prestasi akademik pelajar yang baik kepada sesebuah sekolah.



1.2. Latar Belakang Kajian

Menurut data Kemendiknas 2010, akses pendidikan di Indonesia masih perlu diberi perhatian kerana lebih daripada 1.5 juta kanak-kanak setiap tahun tidak dapat meneruskan alam persekolahan. Sementara itu, dari aspek kualiti guru dan komitmen mengajar terdapat lebih daripada 54% guru mempunyai standard kelayakan yang perlu dipertingkatkan dan 13.19% bangunan sekolah perlu diperbaiki. Daripada data tersebut jelas menonjolkan permasalahan yang terjadi dalam usaha mencapai kualiti pendidikan. Selain daripada itu, Laporan Indeks Pembangunan Manusia 2015 yang dikeluarkan Badan PBB Urusan Program Pembangunan (UNDP), Indeks Pembangunan Manusia (IPM) Indonesia menduduki tangga ke 110 daripada 187





negara, dengan nilai indeks 0,684. Terdapat tiga komponen utama dalam pembangunan manusia menurut IPM iaitu kesihatan, pendidikan, dan standard kehidupan yang layak. Berdasarkan data dari Human Development Report (HDR), data terkini pada tahun 2014 menunjukkan Indonesia masih menduduki tangga kelima di bawah Singapura, Brunei, Malaysia dan Thailand dengan perolehan mata 0.684. Singapura menduduki kedudukan teratas iaitu 0.912 dan menduduki tangga kesebelas dunia. Daripada data ini menunjukkan bahawa Indonesia masih mempunyai pelbagai masalah dalam IPM Indonesia dan pembangunan manusia masih tertinggal jauh dengan negara Malaysia dan Singapura. Dalam hal ini, pihak pemerintah mempunyai peranan penting dalam mengembangkan sumber daya manusia melalui aspek yang mempengaruhi indeks pembangunan manusia iaitu peningkatan kualiti pendidikan.



Dalam kajian Fattah dan Muji (2012) menunjukkan bahawa langkah-langkah penambahbaikan oleh pemerintah dalam bidang pendidikan memberi pengaruh positif dan signifikan terhadap peningkatan indeks pembangunan manusia. Proses pendidikan di Indonesia memiliki tujuan iaitu: mengembangkan kemampuan pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, pandai, kreatif, bersemangat kuat dan menjadi warga yang demokratis serta bertanggungjawab. (Akta Republik Indonesia No. 20; 2003). Pencapaian kejayaan sekolah memerlukan peranan seorang guru besar. Beberapa kajian bersetuju dengan kenyataan bahawa seorang guru besar dapat menentukan keefektifan sesebuah sekolah. Blanchard dalam Syafaruddin, (2002) mengatakan pembangunan organisasi dan produktiviti dicapai daripada kepimpinan yang





berkesan. Petters dan Austin (Sallis, 2006) dalam kajian beliau juga menyatakan elemen yang menentukan kualiti dalam sebuah institusi adalah kepimpinan.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan Gurr et.al, dalam Moos, Johansson dan Day (2011) menyatakan: *“effective principals were characterized as a strong instructional leaders who focused their efforts on managing curriculum standard development, monitoring students progress toward curriculum standard, and protecting instructional time in class room”* (guru besar sekolah yang efektif dicirikan sebagai kepemimpinan pengajaran yang kuat, fokus pada pengembangan standard kurikulum, memantau perkembangan pelajar, dan memaksimakan waktu belajar). Stronge menyimpulkan untuk memperoleh hasil prestasi pelajar yang baik, perubahan peranan

diperlukan oleh seorang guru besar yang memfokuskan isu-isu pengurusan kepada memfokuskan isu-isu pengajaran (*instructional*) Cotton (2003). Berkaitan dengan kepemimpinan pengajaran guru besar Hammond, et al. (2010) menyatakan bahawa kepemimpinan pengajaran merupakan komponen terpenting dalam meningkatkan proses dan hasil akademik pelajar. Guru besar sangat penting dalam mewujudkan sekolah yang berkesan (Goldhammer, 1971). Justeru dapat dikatakan bahawa sekolah yang memiliki prestasi akademik pelajar yang rendah disebabkan kepemimpinan pengajaran yang lemah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan *International Successful School Principalship Project* (ISSPP) pada tahun 2001, menyatakan karektor kepemimpinan sekolah yang berjaya dalam pencapaian prestasi belajar pelajar yang tinggi adalah kepemimpinan yang selalu memberi perhatian kepada pengembangan, pemantauan, dan sentiasa memberi reaksi kepada guru terhadap proses belajar mengajar yang menjadi *core business* institusi





sekolah (Moos, Johansson dan Day, 2011). Kajian yang dilakukan Steller menyimpulkan kepemimpinan pengajaran (*instructional leadership*) yang efektif adalah kepemimpinan pembelajaran yang mempunyai *single thrust* untuk menjamin kesemua pelajar belajar dengan baik (Cotton, 2003).

Selain guru besar sebagai teras utama dalam dunia pendidikan, seorang guru juga adalah contoh atau model kepada pelajar. Oleh itu, guru perlu mempunyai tingkah laku yang berkualiti tinggi. Hal ini berkaitan dengan pencapaian yang sering dilihat sebagai hasil kerja oleh seseorang atau sekumpulan orang dalam sebuah organisasi. Perkara ini selaras dengan kuasa dan tanggungjawab masing-masing demi mencapai matlamat organisasi secara sah, tidak melanggar undang-undang dan mengikut norma-norma mahupun etika (Santoso, 2000).



Dalam dunia pendidikan, guru adalah salah satu sumber yang penting kepada kejayaan pendidikan di sekolah. Justeru, guru perlu mempunyai prestasi yang mencukupi untuk menghasilkan pelajar yang boleh dipercayai dan berkualiti. Sudjana (2005), mengatakan rendahnya hasil belajar yang dicapai pelajar tidak semata-mata disebabkan kemampuan pelajar tetapi juga boleh disebabkan kurang berhasilnya guru mengajar. Masalah yang dihadapi oleh dunia pendidikan di Indonesia berkaitan dengan guru menurut Kumandar (2007) salah satunya adalah semangat kerja tenaga kependidikan yang masih rendah sehingga menghambat proses penguasaan kemampuan yang diperlukan tenaga kependidikan sesuai dengan tuntutan perkembangan IPTEK dan kurikulum baru. Dalam kajian Sudjana (2002) menunjukkan bahawa 76.6% hasil belajar pelajar dipengaruhi oleh kemampuan guru.





Selain itu, menurut Mulyasa (2007) profesionalisme guru masih rendah disebabkan kebanyakan guru yang tidak tekun dalam menjalankan tugasnya secara utuh.

Sementara itu, menurut Mulyasa (2011), terdapat sekurang-kurangnya tujuh kesilapan yang biasa dibuat guru: 1) mengambil jalan pintas dalam pembelajaran, 2) menunggu tingkah laku pelajar negatif, 3) memperuntukkan disiplin *destructive*, 4) mengabaikan pelajar yang berbeza, 5) adalah yang paling bijak dan paling tahu, 6) tidak adil (diskriminasi), 7) menghilangkan hak pelajar. Dari penjelasan Mulyasa, ternyata guru sentiasa membuat pelbagai kesilapan. Sukadi (2009) pula menyatakan terdapat lapan keperibadian buruk guru yang sering didapati di sekolah dan menunjukkan peranan guru dalam bekerja belum berkesan iaitu: (1) sering meninggalkan bilik darjah, (2) tidak menghormati pelajar, (3) kekurangan persediaan dalam pembelajaran, (4) pilih kasih terhadap pelajar, (5) meminta pelajar menulis di papan, (6) tidak berdisiplin, (7) kekurangan perhatian kepada pelajar-pelajar, dan (8) materialistik. Kesilapan dan keperibadian yang buruk pada diri guru membuktikan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa mempunyai tahap disiplin yang tinggi.

Guru-guru yang mempunyai kualiti bekerja berpunca daripada sikap disiplin dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik. Disiplin diri guru mencerminkan keperibadian dan menyediakan landasan yang kukuh dalam meningkatkan kualiti dalam sesi pembelajaran serta pengajaran di dalam kelas. Sikap disiplin guru dalam bekerja memberi pengaruh yang besar terhadap motivasi dalam bekerja. Robins dan Mary (2012) mengatakan motivasi ialah kesediaan





melakukan usaha untuk mencapai sasaran organisasi yang terkandung oleh kemampuan usaha tersebut dalam memuaskan keperluan sejumlah individu. Sementara itu, Hasibuan (2013) berpendapat bahawa kedisiplinan adalah kesedaran dan kesediaan seseorang mentaati semua peraturan perusahaan dan norma-norma sosial yang berlaku. Dengan demikian, disiplin kerja yang ada di dalam diri guru memberikan kesedaran kepadanya untuk berusaha menghasilkan kerja yang berkualiti. Dari hasil kajian Artikawati (2016) menunjukkan ada pengaruh positif dan signifikan keterampilan guru mengadakan variasi terhadap prestasi belajar siswa kelas IV Sekolah Rendah. Suharto dan Cahyono (2005) dan Hakim (2006) menyatakan faktor yang mempengaruhi prestasi adalah motivasi, di mana motivasi adalah suatu keadaan seseorang yang bergerak untuk mencapai matlamat atau mencapai hasil yang diharapkan. Oleh itu, sekiranya di sekolah, guru perlu berusaha bersungguh-sungguh supaya pencapaian akademik dapat dilakukan dengan baik hasil daripada motivasi yang tinggi.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa pembentukan sekolah yang berkesan boleh dicapai dengan adanya peningkatan kualiti daripada pelbagai faktor yang menyokongnya. Salah satu adalah faktor sumber manusia di sekolah, seperti guru besar, guru dan rakan sejawat yang mengendalikan proses pembelajaran secara langsung di sekolah. Selain itu, kualiti kepimpinan pengajaran guru besar sekolah yang baik serta disiplin guru yang tinggi dalam proses pembelajaran pendidikan membantu pencapaian motivasi yang tinggi untuk menghasilkan prestasi akademik yang baik. Oleh itu, kepimpinan pengajaran guru besar sekolah dan disiplin guru





menjadi keutamaan dalam kajian ini yang dilihat dapat meningkatkan motivasi serta prestasi akademik pelajar dalam sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelbagai permasalahan ditemui berhubung prestasi akademik di sekolah sebagai institusi pendidikan formal yang berusaha mencapai prestasi akademik sebagai lanjutan sikap masyarakat yang menuntut peranan sekolah formal sebagai sebuah institusi pendidikan dalam aktiviti merancang dan strategik untuk meningkatkan kualiti pendidikan, terutamanya dari segi pengurusan peribadi guru atau pemimpin sekolah (guru besar sekolah) dan rakan sejawat yang lain. Untuk menghasilkan kualiti sumber manusia yang tinggi, peranan lembaga pendidikan yang baik dan guru besar sangat berpengaruh kepada pencapaian prestasi akademik pelajar di sekolah. Hal ini kerana guru besar adalah pemimpin tertinggi dalam sekolah dan mereka memainkan peranan sebagai tonggak kepimpinan dan pengurusan pengajaran. Sagala (2000) mengatakan bahawa: “Rendahnya profesion, prestasi, mutu proses dan hasil pembelajaran pelajar, juga disebabkan oleh peranan penyeliaan di sekolah di Indonesia menjadi lemah, kurang efisien dan efektif sesuai tujuannya.”

Guru besar sekolah dalam usaha meningkatkan profesionalisme guru diiktiraf sebagai salah satu faktor yang sangat penting dalam organisasi sekolah khususnya tanggungjawab untuk meningkatkan proses pembelajaran di sekolah-sekolah itu. Tingkah laku guru besar sekolah akan membantu prestasi guru-guru untuk

